

**PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN AKTUARI KERAJAAN  
PA 2.1/2013**

<b>No</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tanggungjawab</b>
1.	<p><b>Tujuan</b></p> <p>1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Unit Perkhidmatan Aktuari telah ditempatkan di bawah Perbendaharaan Malaysia.</p> <p>1.2. Segala permohonan berkaitan dengan khidmat rundingan, laporan serta nasihat dari unit ini perlu dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan.</p>	
2.	<p><b>Latar Belakang</b></p> <p>2.1. Unit Perkhidmatan Aktuari telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tahun 1964 melalui surat Pekeliling Am Bil. 6 dan 6A tahun 1964.</p> <p>Pada awal penubuhannya Unit ini diletakkan di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Pada 1 Februari 1976, Unit Perkhidmatan Aktuari ini telah dipindahkan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam seperti terkandung di dalam Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1989. Mulai 1 Januari 1993, Unit ini telah diletakkan di bawah kawalan Perbendaharaan Malaysia.</p> <p>2.2. Unit ini diwujudkan untuk memberi khidmat nasihat dan menjadi pusat rujukan bagi Kementerian, Jabatan, Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun mengenai Aktuari sepertimana peranan yang dimainkan oleh Syarikat Perundingan Aktuari untuk pihak swasta.</p>	
3.	<p><b>Tugas Unit Perkhidmatan Aktuari</b></p> <p>3.1. Dari segi fungsinya Unit ini masih menjalankan tugas-tugas dan fungsi di Lampiran A sebagaimana terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 6 dan 6A 1964 dan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1989. Lima (5) bidang tugas utama Unit ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Persaraan dan Pencen;</li><li>ii. Skim Perkhidmatan, Elaun dan Pampasan;</li><li>iii. Perlindungan dan Skim Keselamatan Sosial;</li><li>iv. Insurans, Takaful dan Perkhidmatan Kewangan Lain; dan</li><li>v. Tabung dan Kumpulan Wang.</li></ul> <p>3.2. LGM perlu mendapatkan perkhidmatan berhubung dengan tugas-tugas aktuari daripada Unit Perkhidmatan Aktuari yang terdapat di Perbendaharaan.</p> <p>3.3. Sehubungan itu, tidak ada sebarang kelulusan dan peruntukan yang akan diberikan oleh Kerajaan kepada LGM bagi tujuan</p>	

**No**

**Perkara**

**Tanggungjawab**

mendapatkan perkhidmatan yang sama daripada pihak swasta.